

Headline **Kes Michael Soosai: 3 lelaki kena bela diri**
 Date **10 Apr 2010**
 MediaTitle **Kosmo**
 Section **Negara**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
 Page No **8**
 Article Size **117 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **1,017**
 PRValue **3,052**



Kes Michael Soosai: 3 lelaki kena bela diri

KUALA LUMPUR - Tiga lelaki termasuk seorang bekas atendan Hospital Kuala Lumpur (HKL) diarah membela diri oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dakwaan memalsukan daftar kematian, permit kubur dan sijil kematian penjenayah dikhendaki, Michael Soosai.

Hakim Mohamad Sekeri Mamat memutuskan pihak pendakwaan dapat membuktikan kes prima facie terhadap kesemua tertuduh.

Dalam penghakimnya, menurut Sekeri, mahkamah telah mengambil kira tiga elemen penting iaitu sama ada sijil kematian serta permit kubur dipalsukan untuk tujuan menipu, kedua sama ada prosedur di Bilik Mayat HKL tidak dipatuhi serta adakah Soosai benar-benar masih hidup.

Kata beliau, daripada keterangan 23 saksi, pendakwaan berjaya membuktikan ketiga-tiga elemen tersebut.

Katanya, atendan HKL, K. Subramaniam, 33, bertugas pada 13 September 2003 ketika bilik mayat menerima mayat seorang lelaki mati akibat HIV positif yang hanya dinyatakan 'tidak dikenali'.

Subramaniam iaitu tertuduh ketiga, pada buku rekod telah me-



KERATAN Kosmo! 5 Mei 2005.

ngubah butiran mengenai mayat tersebut dengan butiran Soosai sehingga doktor mengeluarkan sijil kematian dan permit pengebumian.

Tertuduh pertama, J. Kumaresan, 28, telah menggunakan kedua-dua dokumen tersebut untuk menuntut mayat 'Soosai' dan membuat urusan membakar mayat tersebut.

Sementara itu, tertuduh kedua seorang peniaga besi lusuh, V. Sanjeev Kumar telah bersubahat dalam melakukan kesemua kesalahan itu.

Subramaniam bersama seorang lagi lelaki yang masih bebas, didakwa menipu Dr. Wan Mohamed Zamri Wan Nawawi, 45, untuk mengeluarkan sijil kematian di bilik mayat HKL antara pukul 11 pagi dan 3 petang pada 12 September 2003.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 415 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 417 kanun yang sama.